



Kenyataan Media

CYBERJAYA

28 Julai 2021

SEMBILAN (9) MENARA KOMUNIKASI BAHARU TELAH BEROPERASI, TINGKAT CAPAIAN INTERNET DI BAHAGIAN KUDAT, SABAH

Penduduk di beberapa buah kampung di Bahagian Kudat, Sabah kini dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar yang lebih pantas dan berkualiti apabila sembilan (9) buah menara komunikasi baharu di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah beroperasi sepenuhnya sejak 15 Jun yang lalu.

Pembinaan menara berkenaan yang dilaksanakan di bawah Projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) itu dijangka akan memanfaatkan seramai 6,520 orang penduduk di Bahagian Kudat sekaligus mentransformasikan kehidupan penduduk setempat dalam mengharungi era digital yang semakin pesat. Daripada sembilan (9) menara tersebut; lapan (8) menara terletak di daerah Kudat iaitu di Kg. Kubatang, Kg. Lodung, Kg. Indarason Laut, Kg. Rondonon, Kg. Membatu, Kg. Inukiran, Kg. Panikuan, Kg. Toporoi dan sebuah menara lagi terletak di Kg. Kabatasan di daerah Pitas.



MENARA komunikasi baharu di Kampung Kabatasan, Pitas yang telah beroperasi sejak 15 Jun 2021 yang lalu.

Pada masa yang sama, kerja-kerja pembinaan tapak menara komunikasi baharu bagi 13 lagi menara komunikasi di Bahagian Kudat sedang giat dilaksanakan oleh pihak penyedia perkhidmatan yang dilantik dan dijangka siap secara berperingkat menjelang bulan Disember 2021.

Dengan adanya penambahan menara-menara komunikasi di Bahagian Kudat, ianya akan memudahkan penduduk setempat untuk melaksanakan pelbagai urusan harian seperti pembelajaran dalam talian, bekerja dari rumah (WFH) dan urusan perhubungan. Selain itu, kesalinghubungan Internet yang lebih baik juga akan membantu memperbaiki sosioekonomi penduduk di kawasan ini melalui pelbagai aktiviti ekonomi yang boleh dilakukan secara dalam talian dengan lebih lancar.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV